

UMNO Pahang diminta kemuka nama calon wanita

Oleh ALI MAHMOOD

RAUB 8 Jan. – UMNO Pahang diminta mengemukakan cadangan beberapa nama wanita untuk turut dipertimbangkan bagi menjadi calon Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Batu Talam pada 28 Januari ini.

Sumber memberitahu *Utusan Malaysia*, pucuk pimpinan UMNO dikatakan ingin memberi peluang kepada lebih ramai tokoh politik wanita menjadi wakil rakyat.

Jika spekulasi itu boleh dijadikan sandaran dan bagi memenuhi kehendak pengundi yang mahukan anak tempatan menjadi calon, tentunya nama Ketua Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Raub, Jariah Hashim, 57, wajar dipertimbangkan.

Selain itu, Naib Ketua Wanita Bahagian, Rasiah Tamsil, 62, dan Setiausahanya, Noraini Abdullah, 45, juga adalah antara nama yang wajar diberikan perhatian.

Dari segi pengalaman, Jariah atau lebih mesra dengan panggilan Kak Ju mempunyai pengalaman luas dalam UMNO dan Kemas sejak 31 tahun yang lalu.

Beliau dekat dengan masyarakat kerana pernah menjadi guru tadika, guru pendidikan pra sekolah, guru kelas masakan dan jawatan terakhirnya sebagai Ketua Penyelia Perhubungan Kemas sejak tahun 1999 sebelum bersara pada bulan Mac tahun lalu.

Sementara itu, Naib Ketuanya, Rasiah juga mempunyai pengalaman yang luas dan bergerak cergas dalam Wanita UMNO dan kerja-kerja masyarakat Parlimen Raub melalui pertubuhan bukan kerajaan dan sebagainya.

Noraini pula adalah seorang peniaga yang juga tidak boleh diketepikan terus kerana beliau juga dikenali hampir setiap penduduk Batu Talam apabila turut menjadi tenaga belakang tabir Wanita UMNO Bahagian dalam melaksanakan pelbagai misi parti.

Ketua Wanita UMNO Pahang, Datuk Maznah Mazlan ketika dihubungi enggan mengulas khabar angin tersebut, sebaliknya menyerahkan kepada Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob untuk mempertimbangkan nama calon wanita jika itu yang dikehendaki oleh Presiden parti.

“Soal nama calon wanita yang perlu disenaraikan tidak timbul sekarang ini kerana Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang telah membuat ketetapan.

“Apa-apa keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan baik di peringkat negeri mahupun Pusat, kita memberikan sokongan padu. Sekarang ini ialah masa untuk bekerja keras membuat persiapan bagi membantu dan memastikan BN mengekalkan kerusinya di DUN Batu Talam,” kata Maznah.

Jariah semasa dihubungi juga enggan

um- 9/1/2007

Apa-apa keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan baik di peringkat negeri mahupun Pusat, kita memberikan sokongan padu. Sekarang ini ialah masa untuk bekerja keras bagi memastikan BN mengekalkan kerusinya

MAZHNAH MAZLAN
Ketua
Wanita
UMNO
Pahang

mengulas mengenai khabar angin itu dan berkata, Pergerakan Wanita Bahagian itu kini menumpukan sepenuh perhatian bagi meyakinkan para pengundi DUN Batu Talam supaya terus menyokong kerajaan.

Namun, katanya, jika wanita dipilih sebagai calon, beliau yakin kerusi itu tetap dapat dipertahankan kerana pengundi di kawasan berkenaan tidak memilih jantina tetapi mereka yakin dengan calon pilihan parti.

“Soalnya ialah bukan calon atau individu itu yang penting tetapi yang utama ialah mereka yang dipilih dapat diterima oleh para pengundi bagi mengekalkan kerusi BN dan UMNO.

“Untuk itu, Pergerakan Wanita telah menggerak Kumpulan 10 (K10) bagi merisik maklumat, mencari isu-isu tempatan yang berbangkit dan sebagainya bagi membantu jentera parti untuk berkempen selepas penamaan calon nanti,” kata Jariah.

Utusan Malaysia dimaklumkan senarai nama-nama calon (tidak termasuk calon

wanita) masih berada dalam tangan Adnan dan belum di kemukakan kepada Abdullah.

Difahamkan, Adnan akan mempersembahkan nama tersebut kepada Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah terlebih dahulu sebelum diserahkan kepada Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menentukan siapakah calon yang difikirkan layak.

Antara tujuh calon yang disebutkan itu ialah Datuk Mustafa Kamal (Timbalan Ketua Bahagian Raub), Datuk Ir. Azinuddin Abdul Rahim (Naib Ketua Bahagian), Tengku Abdul Rahman Tengku Perang (Ketua Pergerakan Pemuda), Aziz Kiram (Setiausaha UMNO Bahagian), Datuk Abdullah Abu Bakar (Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian dan Presiden Majlis Belia Felda Pahang).

Dua lagi nama ialah bekas Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Pahang, Datuk Johar Rusi dan Datuk Yidris Abdullah.